

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Restoran dibenar sedia tempat merokok

Kawasan khas tidak boleh dijadikan ruang makan, minum

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) membenarkan pemilik restoran atau kedai makan, sama ada milik persendirian atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), menyediakan kawasan khas merokok di luar premis, pada jarak sekurang-kurangnya tiga meter dari meja makan terdekat.

Bagaimanapun kawasan khas merokok terbabit, yang disediakan tempat membuang puntung rokok itu, tidak boleh dijadikan ruang makan dan minum oleh perokok.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata usaha kementerian itu adalah bagi menyokong inisiatif Kementerian Kesihatan berhubung arahan larangan merokok di semua tempat makan awam sejak 1 Januari lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, usaha itu juga dilaksanakan bagi

memahami keperluan golongan perokok dalam memberi ruang mereka melakukan aktiviti itu dalam tempoh 'peralihan' peraturan berkenaan.

Susulan larangan itu juga Zuraida berkata, KPKT juga akan memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi pembinaan kawasan merokok di tempat awam termasuk kawasan komersial dan medan selera milik 155 PBT di seluruh negara.

"Bagi pemilik restoran atau kedai makan (persendirian), kita mempunyai garis panduan yang akan dikeluarkan KPKT berhubung perkara terbabit di mana mereka perlu memohon kebenaran daripada PBT untuk membina kawasan khas merokok dalam skala kecil termasuk premis yang berada dalam lot kedai.

"Kawasan khas merokok itu perlu mempunyai bumbung, tempat duduk dan tempat membuang puntung rokok dan mereka boleh membina secara berkongsi (jika dalam satu lot bangunan itu



Model kawasan khas tempat merokok yang dibina di Santai @ Ampang.

(Foto Aswadi Alias/BH)

terdapat lebih daripada sebuah restoran) dengan kos ditanggung mereka sendiri.

"Namun bagi kawasan awam pula, PBT diminta membuat permohonan peruntukan kepada KPKT untuk menyediakan kawasan khas merokok dengan KPKT memperuntukkan setiap sebuah pembinaan kawasan merokok itu kira-kira RM5,000," katanya pada sidang media, di sini.

Sebelum ini, usaha larangan merokok di tempat makan awam menimbulkan persoalan sama ada mereka yang merokok di meja tambahan tanpa lesen di luar restoran atau premis makanan boleh terlepas daripada tindakan saman.

Malah, Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye juga sebelum ini memberitahu bahawa kedai makan atau restoran tidak dibenarkan sama sekali menyediakan kawasan khas merokok kepada pelanggan di premis terbabit.

Pada masa sama Zuraida ber-



Zuraida Kamaruddin

kata, sehingga kini KPKT sudah mempunyai satu model kawasan khas merokok dibina di Senario Ampang, dekat sini yang mempunyai dua pondok (booth) kawasan merokok dengan kelengkapan berbumbung, tempat duduk dan tempat membuang puntung rokok.

Beliau berkata, usaha menyediakan atau membenarkan kemudahan kawasan merokok ini juga diyakini mampu memberi kesesuaian buat golongan perokok ba-

gi menerima peraturan baharu itu.

Ketika ditanya sama ada kebenaran yang diberikan ini mampu memberi isyarat yang salah dengan peraturan dikeluarkan Kementerian Kesihatan, Zuraida bagaimanapun berkata ia menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa bekerjasama dengan setiap kementerian dan ia seharusnya dilihat dalam sudut positif.

"Buat masa ini kita hanya menyarankan pemilik restoran atau kedai makan untuk membina kawasan khas merokok itu namun kita mungkin akan mewajibkan mereka berbuat demikian jika tiada kawasan langsung untuk pelanggan melakukan aktiviti berkenaan...pemilik harus melabur sedikitlah.

"Kita hanya memudahkan golongan perokok yang mewakili kira-kira 20 peratus populasi di Malaysia, apatah lagi mereka juga adalah pembayar cukai," katanya.

Tegur perokok secara berhemah bantu sejahteraan rakyat

Kuala Lumpur: Orang ramai diminta bersuara menyatakan hak mereka mendapatkan persekitaran bebas asap rokok dengan menegur perokok secara berhemah.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, ketika membuat gesaan itu, berkata langkah terbabit mampu membantu usaha kerajaan melahirkan rakyat sihat dan persekitaran negara yang sejahtera.

"Di Malaysia, lebih kurang 80 peratus daripada jumlah penduduk adalah golongan bukan perokok tetapi mereka terdedah kepada bahaya asap rokok basi.

"Jadi suara golongan bukan perokok ini penting kerana ia dapat mengurangkan kemudaratan kesan asap rokok yang dianggar menyebabkan 20,000 kematian setahun," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan kempen "Speak

Out: Express Your Right" atau "Suarakan Hak Anda" di Stesen Komuter KL Sentral semalam. Kempen akan berlangsung untuk tempoh lima tahun.

Dr Dzulkefly turut meminta orang ramai membudayakan hak bersuara dengan sopan dan baik agar diambil iktibar oleh perokok secara hormat.

Sehingga semalam, sebanyak 2,617 notis kesalahan dikeluarkan, membabit 35,979 tempat makan yang diperiksa di seluruh negara sejak penguatkuasaan larangan merokok bermula 1 Januari lalu.

Daripada jumlah itu, 1,911 notis dikeluarkan bagi kesalahan merokok, 466 notis kepada premis yang gagal pamer tanda larangan merokok, 104 premis menyediakan kemudahan merokok dan 136 orang bawah umur yang merokok atau memiliki bahan itu.

Sementara itu di Kuala Terengganu, ada dalam kalangan pero-



Suara golongan bukan perokok ini penting kerana ia dapat mengurangkan kemudaratan kesan asap rokok.

Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan

kok disaman kerana merokok dalam premis makanan pada waktu malam kerana menyangka tiada operasi dijalankan selepas waktu pejabat.

Sangkaan waktu operasi yang terhad itu menyebabkan seorang lelaki disaman ketika sedang merokok dalam sebuah kedai makan di bandar raya itu, malam kelmarin.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr Azimi Yunus, menegaskan operasi penguatkuasaan merokok bukan sahaja diadakan pada siang hari, malah turut dijalankan sebelah malam termasuk di kawasan pedalaman.

Beliau berkata, operasi penguatkuasaan larangan merokok sama ada pada siang hari atau sebelah malam diadakan mengikut SOP berdasarkan jadual pegawai dan anggota penguatkuasaan.

"Sepanjang lima hari operasi

penguatkuasaan peraturan larangan merokok di premis makanan di seluruh negeri mulai 1 Januari lalu, sebanyak 126 notis kesalahan membabitkan nilai kompaun RM30,700 dikeluarkan kepada perokok tegar.

"Notis kesalahan paling banyak dikeluarkan adalah kepada perokok iaitu 106 dengan nilai kompaun sebanyak RM26,500 manakala 14 lagi notis kesalahan dikeluarkan kepada pemilik premis kerana gagal mempamerkan tanda larangan merokok dengan nilai kompaun sebanyak RM3,500," katanya.

Dr Azimi menjelaskan, dua notis kesalahan dikeluarkan kepada pemilik premis kerana menyediakan kemudahan merokok dengan nilai kompaun sebanyak RM500 dan empat lagi notis dikeluarkan atas kesalahan belum dewasa membabitkan nilai kompaun berjumlah RM200.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Permit import vaksin influenza dipercepat

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mempercepatkan proses permohonan permit oleh hospital dan klinik swasta untuk mengimport vaksin influenza, Tamiflu bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata proses permohonan bagi kelulusan permit mengimport vaksin terbabit adalah kurang daripada lima hari.

"Bekalan Tamiflu di KKM diperoleh daripada Pharmaniaga dan mencukupi. Namun, bagi hospital dan klinik swasta, mereka perlu mendapatkan permit mengimport vaksin itu.

"Sejak Januari hingga November tahun lalu, tiada permohonan daripada pihak swasta untuk mengimport Tamiflu.

"Bagaimanapun, pada Disember tahun lalu, permohonan mendapatkan permit mengimport Tamiflu meningkat dan bekalan Tamiflu yang diperoleh daripada pembekal berdaftar, hanya mencukupi untuk kegunaan hospital serta klinik kerajaan.

"Bagi menangani masalah



Dr Noor Hisham Abdullah

ini, KKM mempercepatkan proses permohonan permit mengimport Tamiflu dan kebanyakan hospital serta klinik swasta yang membuat permohonan permit, hujung tahun lalu, sudah memperoleh bekalan mereka," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham menjelaskan, buat masa ini, pihaknya tidak menerima sebarang maklumat daripada syarikat farmaseutikal berhubung kekurangan vaksin berkenaan.

Beliau berkata, orang awam terutama kumpulan berisiko dinasihatkan supaya mendapatkan vaksin itu yang ditawarkan hospital atau klinik swasta.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Jabatan Kesihatan digesa turun padang pantau H1N1



Bung Moktar (dua dari kiri) mengadakan lawatan di Kampung Mandangin, Membakut, semalam.

[Foto Edmund Samunting/BH]

Membakut: Jabatan Kesihatan Negeri Sabah diminta turun padang memantau penularan Influenza A (H1N1) yang disahkan menjangkiti seorang petugas jentera Pilihan Raya Kecil (PRK) Kimanis yang rancak berlangsung.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin, menyatakan kebimbangan jika penyakit itu menular dalam kalangan jentera dan petugas serta orang awam sepanjang kempen PRK berlangsung.

"Kita bimbang jika H1N1 merebak selepas seorang jentera Puteri UMNO dimasukkan ke wad di sini selepas disyaki dijangkiti penyakit terbabit.

"Saya harap Jabatan Kesihatan turun meninjau keadaan dan jangan memberi perhatian terhadap perokok di kedai kopi (premis makanan) sahaja, jaga (pantau) juga penularan penyakit ini supaya petugas media dan orang yang berkempen tidak dijangkiti, kalau kena bagaimana nanti," katanya pada sidang media di Kampung Mandangin di sini, semalam.

Katanya, perkara itu amat serius kerana ia membabitkan kesihatan dan keselamatan semua pihak yang terbabit dalam PRK, termasuk penduduk kampung.

"Kalau kena (dijangkiti), ia sudah tentu membabitkan keselamatan dan kesihatan orang awam," katanya.

Terdahulu, Ketua Puteri UMNO Wilayah Persekutuan, Norbhaiti Sabar, berkata Ketua Puteri UMNO Bahagian Seputeh, Nurul Hazwani Haslan disahkan dijangkiti H1N1 selepas dua hari bertugas bagi PRK Parlimen Kimanis.

Katanya, Nurul Hazwani yang juga Penolong Setiausaha Puteri UMNO Wilayah Persekutuan dimasukkan ke sebuah hospital di Kota Kinabalu, malam kelmarin.

"Saya mohon sahabat semua untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan lebih peka serta prihatin dengan sebarang tanda-tanda sakit sepanjang bertugas di mana juga agar dijauhkan daripada sebarang sakit mudarat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

KKM keluar 2,617 notis kesalahan

Kuala Lumpur: Sebanyak 2,617 notis kesalahan dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada perokok hingga kelmarin.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, notis itu dikeluarkan bagi perokok yang melanggar larangan merokok di premis makanan.

Menurutnya, 36,979 premis diperiksa KKM di seluruh negara hingga kelmarin berbanding 29,903 premis pada Ahad lalu.

"Sebanyak 466 notis dikeluarkan terhadap pemilik premis yang gagal memaparkan papan tanda larangan merokok. 104 notis pula dikeluarkan kepada premis yang menyediakan kawasan atau

zon merokok.

"Selain itu, 136 notis dikeluarkan kepada orang kurang upaya (OKU) kerana melakukan aktiviti di premis makanan," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran kempen *Speak Out: Express Your Right* di sini, semalam.

Dr Dzulkefly berkata, melihat kepada jumlah notis yang meningkat, beliau berharap orang ramai terutama perokok mematuhi dan menghormati arahan ditetapkan.

"Jika boleh kami tidak mahu mendenda sesiapa pun kerana kita bukan dalam pendekatan menghukum, tetapi (laksanakan denda) selepas setahun jalankan program pendidikan," katanya.



KEMPEN *Speak Out: Express Your Right* kepada orang awam di Stesen Komuter KL Sentral.

Tegur perokok secara berhemah

Kuala Lumpur: Orang ramai diminta bersuara untuk menyatakan hak mereka dalam mendapatkan persekitaran bebas asap rokok dengan menegur perokok secara berhemah.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yang membuat gesaan itu berkata, langkah itu mampu membantu usaha kerajaan melahirkan rakyat sihat dan persekitaran negara yang sejahtera.

"Di Malaysia lebih kurang 80 peratus daripada jumlah penduduk adalah

golongan bukan perokok, tetapi mereka terdedah kepada bahaya asap rokok baki.

"Jadi suara golongan bukan perokok ini penting kerana ia dapat mengurangkan kemudaratan kesan asap rokok yang dianggap menyebabkan 20,000 kematian setahun," katanya.

Dr Dzulkefly turut meminta orang ramai membudayakan hak bersuara dengan sopan dan baik agar diambil iktibar oleh perokok secara hormat.

- Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

OPERASI PENGUATKUASAAN LARANGAN MEROKOK

'Operasi pah malam ke boh?'

Oleh Baharom Bakar
cnews@nstp.com.my

Kuala Terengganu

"Maaf boh, ingat ker tak dok operasi lepas waktu jabak (pejabat). Operasi pah malam (hingga malam) ke boh?"

Itu kata seorang perokok ketika dihampiri pegawai penguat kuasa Jabatan Kesihatan negeri ketika dia merokok dalam sebuah kedai makan di bandar raya Kuala Terengganu, malam kelmarin.

Lelaki berusia 40-an itu bagaimanapun akur selepas diberi penjelasan operasi diadakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dalam operasi diketuai Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Terengganu, Yusof Mat Ali itu anggota turut memberi nasihat kepada pelanggan agar tidak merokok dalam kedai makan.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr Azimi Yunus memaklumkan operasi penguatkuasaan merokok bukan saja diadakan pada waktu siang, malah pada sebelah malam termasuk di kawasan pedalaman.

"Sepanjang lima hari operasi penguatkuasaan peraturan larangan merokok di premis makanan di seluruh negeri mulai 1 Januari lalu, sebanyak 126 notis kesalahan membabitkan nilai kompaun RM30,700 dikeluarkan kepada perokok.

"Notis kesalahan paling banyak dikeluarkan ialah kepada perokok iaitu 106 dengan nilai kompaun RM26,500 manakala 14 lagi notis kesalahan dikeluarkan kepada pemilik premis kerana gagal mempamerkan tanda larangan merokok de-



PEGAWAI dan anggota penguat kuasa Jabatan Kesihatan negeri mengadakan operasi penguatkuasaan larangan merokok di premis kedai makan dan restoran di Kuala Terengganu.



Notis kesalahan paling banyak dikeluarkan ialah kepada perokok iaitu 106 dengan nilai kompaun RM26,500"

Dr Azimi Yunus

ngan nilai kompaun sebanyak RM3,500," katanva ke-

tika dihubungi, semalam.

Dr Azimi menjelaskan, sebanyak dua notis kesalahan dikeluarkan kepada pemilik premis kerana menyediakan kemudahan merokok dengan nilai kompaun sebanyak RM500 dan empat lagi notis dikeluarkan atas kesalahan belum dewasa membabitkan nilai kompaun berjumlah RM200.

Katanya, individu yang melakukan kesalahan pertama boleh merayu duku-

rangkan kadar kompaun di semua pejabat kesihatan daerah dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis dikeluarkan.

"Individu yang gagal membayar kompaun dalam tempoh dua bulan dari tarikh notis dikeluarkan akan diambil tindakan mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda hingga RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun," katanva

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

Zuraida pada sidang akhbar di KPKT, Putrajaya semalam.

FOTO: SHARIFUDDIN ABDUL RAHIM



Bina kawasan khas merokok

KPKT peruntuk RM1 juta kepada 155 PBT di seluruh Malaysia

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

PUTRAJAYA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memperuntukkan sebanyak RM1 juta kepada 155 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara bagi membina kawasan khas merokok di tempat awam.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, sebanyak RM5,000 akan diperuntukkan kepada PBT yang mengemukakan permohonan kepada KPKT selepas mengenal pasti lokasi pembinaannya.

"Konsep pembinaan kawasan khas merokok untuk PBT adalah sama seperti dua unit perintis yang

dibina di tapak projek Senario Ampang dan Santai@ Ampang oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 20 Disember lalu.

"Kita menyokong Kementerian Kesihatan bagi inisiatif larangan merokok tetapi kita turut prihatin terhadap aduan kesukaran perokok merokok di tempat awam.

"Inisiatif ini juga bagi menjawab pertikaian pihak tertentu yang mempersoalkan keengganan kerajaan menyediakan kawasan khas merokok seperti yang dilaksanakan di negara maju lain," katanya pada sidang akhbar di KPKT di sini semalam.

Menurutnya, satu garis panduan permohonan pembinaan kawasan khas merokok telah dirangka kementerian untuk pemilik restoran dan peniaga kedai makan.

Namun, katanya, peniaga perlu menggunakan modal sendiri dan meletakkan papan tanda Kawasan Merokok dan lokasi tersebut perlu sekurang-kurangnya tiga meter dari meja makan terdekat tanpa

penyediaan makanan atau minuman.

"Kementerian turut mencajangkan kawasan khas merokok dilengkapi struktur berbumbung dan berkanopi. Jika tempat itu melibatkan pembinaan struktur kekal, pemilik premis perlu mendapatkan kelulusan daripada PBT," katanya.

Terdahulu, Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye menegaskan, kedai makan atau restoran tidak dibenarkan sama sekali menyediakan ruangan khas merokok kepada pelanggan di premis mereka.

Menurutnya, inisiatif penyediaan ruangan khas merokok hanya dibenarkan di luar lingkungan tiga meter dari premis kedai makan dan restoran.

Mulai 1 Januari lalu, Kementerian Kesihatan menguatkuasakan larangan merokok di semua kedai makan, gerai makanan, medan selera, *food truck* dan restoran atas kapal serta kereta api di seluruh Malaysia.

Perlu berani suarkan hak bukan perokok



Dr Dzulkefly pada sidang media selepas pelancaran kempen Suarakan Hak Anda di Kuala Lumpur Sentral semalam.

KUALA LUMPUR - Orang ramai diminta bersuara untuk menyatakan hak mereka dalam mendapatkan persekitaran bebas asap rokok dengan menegur perokok secara berhemah.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yang membuat gesaan itu berkata, langkah tersebut mampu membantu usaha kerajaan melahirkan rakyat yang sihat dan persekitaran negara sejahtera.

"Di Malaysia, lebih kurang 80 peratus daripada jumlah penduduk adalah golongan bukan perokok te-

tapi mereka terdedah kepada bahaya asap rokok basi.

"Jadi, suara golongan bukan perokok ini penting kerana ia dapat mengurangkan kemudaratan kesan asap rokok yang dianggar menyebabkan sebanyak 20,000 kematian setahun," katanya selepas melancarkan kempen Suarakan Hak Anda di Stesen Komuter KL Sentral di sini.

Kempen tersebut akan berlangsung untuk tempoh lima tahun.

Dr Dzulkefly turut meminta orang ramai membudayakan hak bersuara dengan sopan dan baik agar diambil iktibar oleh perokok

secara hormat.

Sehingga kelmarin, sebanyak 2,617 notis kesalahan dikeluarkan melibatkan 35,979 tempat makan yang diperiksa di seluruh Malaysia sejak penguatkuasaan larangan merokok pada 1 Januari lalu.

Daripada jumlah itu, sebanyak 1,911 notis dikeluarkan bagi kesalahan merokok, notis kepada premis yang gagal pameran tanda larangan merokok (466), premis menyediakan kemudahan merokok (104) dan individu bawah umur yang merokok atau memiliki bahan tersebut (136). - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 35

RUANGAN : SINAR NEGERI

246 notis kompaun dikeluarkan

Nilai kompaun berjumlah RM61,500 hasil pemeriksaan terhadap 4,697 premis

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Jabatan Kesihatan Johor mengeluarkan sebanyak 246 notis membabitkan nilai kompaun RM61,500 hasil pemeriksaan 4,697 premis sepanjang operasi larangan merokok kedai makan yang bermula 1 Januari lalu.

Exco Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Mohd

Khuzzan Abu Bakar berkata, notis tersebut dikeluarkan atas kesalahan di bawah Peraturan 11(1)(d) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PP-KHT) 2004 pindaan 2018.

"Daripada jumlah itu, seramai 16 individu didapati bersalah kerana merokok menggunakan rokok elektronik atau vape.

"Dalam operasi sama, 59 notis kesalahan kerana gagal mempamerkan tanda larangan merokok dikeluarkan kepada pemilik premis di bawah Peraturan 12(1)(a) dan 12(1)(b) PP-KHT 2004," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, bagi mereka yang telah menerima notis kesalahan dikenakan kompaun sebanyak RM 250 dan perlu menjelaskannya dalam



Penguat kuasa Jabatan Kesihatan Negeri Johor melakukan pemeriksaan larangan merokok di premis makanan di negeri ini.

tempoh sebulan.

"JKN Johor memohon kerjasama semua pihak supaya mematuhi larangan merokok bagi memastikan kesihatan ma-

syarakat terjamin.

"Bagi golongan perokok yang berhasrat untuk berhenti merokok, digalakkan mendapatkan khidmat nasihat perkhid-

matan berhenti merokok mQuit yang disediakan di semua klinik kesihatan dan hospital kerajaan di seluruh negara," katanya.

LARANGAN MEROKOK

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 1

RUANGAN :



MIXED SMOKE SIGNALS

Just days after the smoking ban is enforced, the government has okayed eateries to set up smoking zones outside their premises. Restaurant owners favour the move but some wonder who is going to foot the bill. > See reports on pages 4 & 6

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Owners, smokers back smoking zones

But groups against move describe it as 'a step forward and two steps back'

PETALING JAYA: The government's recommendation for special areas for smokers to be set up outside eateries is welcomed by restaurateurs and smokers.

However, the move has faced resistance from anti-smoking groups, who described it as a step back.

Original Penang Kayu Nasi Kandar managing director Burhan Mohamed said that while he welcomed the suggestion, proper studies needed to be done first before restaurateurs set up smoking booths or erect canopies outdoors.

"If we were to set up smoking areas 3m away from our restaurants, we still need approval from the local authorities because that's not our land.

"Yes, we can ask for their approval but it will ultimately depend on the location. We have to study the place to see whether the area is safe for smokers or if parking will be obstructed and if we need to buy insurance," he said yesterday.

Malaysian Muslim Restaurant Owners Association (Presma) president Datuk Jawahar Ali Taib Khan also supported the move to build designated smoking areas near eateries.

"If the government can consider allowing designated smoking areas for our customers, most of our eateries will not mind having to bear the cost for it," he said.

Jawahar said the cost of setting up the smoking areas would be small compared to gains of having



Mixed smoke signals: Restaurant owners and smokers support smoking zones near outlets much to the chagrin of anti-smoking groups.

improved business from the move.

Malaysia-Singapore Coffee Shop Proprietors General Association chairman Datuk Ho Su Mong said in the current economic situation, restaurateurs would feel the pinch if they were forced to fork out their own money to set up smoking areas.

"The government should help. We can do it like Singapore where the government has set up designated smoking areas known as yellow boxes in certain areas.

"This would be better because for restaurants to set up smoking areas outside our premises, we need the

approval of the local government and we can't just set up anywhere we like," he said.

Pro-smoking group Pertubuhan Kesedaran Perokok Malaysia (PKPM) chairman Mohd Hanizam Yunus described it as a win-win plan for smokers, non-smokers and restaurant proprietors.

"We welcome the statement and we're confident that it will be well received by the 4.7 million smokers in this country.

"The designated smoking area was what we wanted to propose to the Health Minister in three letters

sent to him in late 2018. It was a pity that none received a reply.

"It left us with no choice but to go to court to challenge the smoking ban," said Mohd Hanizam, who is the founder of PKPM, the group that started a judicial review on the smoking ban enforced since Jan 1 this year.

The PKPM is appealing the High Court decision, which rejected its attempt for a judicial review of the smoking ban, at the Court of Appeal with the case management due on Jan 17.

"We will also discuss with our lawyers on the new direction of our appeal following this latest statement by Zuraida (Kamaruddin)," he said.

Anti-smoking groups, however, likened the move to the government taking many steps back from the progress of the smoking ban.

SmokeFreeMY initiative coordinator Muhammad Sha'ani Abdullah was strongly against the government's move to allow smoking zones.

"This is unacceptable. It is against the tobacco control policy and goes against Malaysia's commitment to the Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)," he said.

The FCTC, he said, stated that a strong political commitment was needed to develop measures to prevent people from starting to smoke and to support smokers who are trying to quit.

International Islamic University Malaysia's Department of Pharmacy

Practice Assoc Prof Dr Mohamad Haniki Nik Mohamed said the government need not spend so much money to build smoking areas.

"We just implemented the smoking ban. But now we have smoking areas. It is like taking one step forward and two steps back," he said.

Malaysians, in general, are not keen on the idea of having designated smoking areas built outside eateries and in public areas.

Based on a poll conducted by *The Star* on social media, the recent announcement by the government left many feeling outraged, with most of them saying it is a waste of resources.

Facebook user Nashyeya Myrkus said the cost to build a designated smoking area would indirectly contribute to a hike in food prices in restaurants.

Kenzo Mann echoed the sentiment, saying smokers could just go outside whenever they wanted to smoke.

However, others have accepted the announcement with open arms.

Twitter user @merahza said that he "absolutely agrees" with the idea, citing that human rights are a "two-way street which is to be honoured and respected in both directions", referring to a smoker's right to smoke.

Alex Chan said the smoking ban was akin to stripping away the rights of certain groups of people in the country who wanted to "indulge in their chosen habit".

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

A safe space to light up

Designated smoking zones to be allowed outside public areas

PUTRAJAYA: Smokers who felt edged out by the government's smoking ban are being given their own space to light up.

Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin announced that designated smoking areas can now be built outside eateries and in public areas.

She said eateries and restaurant operators could provide designated smoking areas that were at least 3m from their nearest table.

Restaurant operators, she said, could apply to set up these zones via their local councils at their own expense.

However, if the smoking zone is to be built on the restaurant operator's own land and involves a temporary structure, operators do not need approval from the local council.

"This is to satisfy the smokers and show that the government is concerned with their plight. We provide the facility, so that they are more willing to comply with the no-smoking policy," Zuraida said at her ministry's headquarters near here yesterday.

There are no specific designs for the designated smoking zones but the ministry suggested the zones to have a roof or a canopy.

Among the guidelines are that the premises owners provide proper places to dispose cigarette butts and maintain the cleanliness of the place.

A clear signage must also be installed to mark the place as a designated smoking area.

If the smoking area involves the construction of a permanent structure on land not owned by the restaurant operator, then approval from the local council must be sought.

The guidelines on designated



Special zone: People smoking at a designated smoking area at Taman Dato Ahmad Razali in Ampang.

smoking areas will soon be provided to the local councils, who will then engage with the restaurant operators.

"If the restaurant owners are concerned about their business because of the no-smoking rule, therefore they should invest a little bit (in the smoking zone).

"We are facilitating for the 20% of Malaysians who are smokers," she said.

While the Health Ministry is responsible for the enforcement of the smoking ban at eateries by receiving complaints and issuing summonses, the gazettement of the smoking areas fell under the purview of the Housing and Local Government Ministry as it involved land matters.

Watch the video
thestartv.com



Zuraida said RM1mil had been allocated by her ministry to 155 local councils nationwide to set up designated smoking areas in public areas such as food courts and parks.

For example, Senario Ampang and Laman Santai Ampang Point communal areas launched by Zuraida in December last year incorporated smoking areas, which followed the guidelines of being 3m away from the nearest eatery.

The local councils are encouraged to submit their applications to build their smoking zones in public areas to the ministry.

On a separate matter, Zuraida said the nationwide tour on the Shared Prosperity Vision (SPV) 2030 will begin in the first week of February in Selangor.

The roadshow, which will be undertaken by Zuraida who is PKR vice-president and party deputy president Datuk Seri Azmin Ali, is meant to promote the policies of SPV 2030 to party grassroots.

Zuraida added that the government is on track to achieving its target of building affordable homes, with nearly 200,000 units having been built, or in construction, in the last one year-and-a-half.

She said this was in line with the government's pledge to build 100,000 affordable housing units a year over a 10-year period.

Health Ministry wants non-smokers to speak out

KUALA LUMPUR: The Health Ministry wants non-smokers to "speak out" on their right to a smoke-free surrounding.

Its minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said he hoped smokers will respect the smoking ban at eateries, so that others will not be exposed to secondhand smoke.

"It is important that non-smokers are empowered to speak up about their right to breathe clean and fresh air," he said when launching the "Speak Out: Express Your Right" campaign at Kuala Lumpur Sentral here yesterday.

As part of the programme, KTM has agreed to be part of the campaign for six months, with one of its commuter trains displaying the ministry's message.

Dr Dzulkefly said that 80% of the



Exchanging ideas: Dr Dzulkefly (centre) talking to KTM passengers during the campaign in Kuala Lumpur Sentral. — Bernama

Malaysian population were non-smokers and the campaign was in relation to the smoking ban at eateries that has been enforced from the beginning of this year.

He said seven out of 10 adults and 37% of children under 15 years were exposed to secondhand

smoke, whether in homes or vehicles. He also said that there were about 20,000 deaths every year attributable to smoking-related causes.

The Health Ministry started enforcing the smoking ban on all eateries, including open-air dining

areas, as per Regulation 11(1) Control of Tobacco Product Regulations 2004 (Amendment) Regulations 2018 since Jan 1.

The regulations prohibit smoking within a 3m radius from any table or chair at an eating place.

Enforcement was also carried out on all food premises owners under Regulation 12(1) of the Control of Tobacco Product Regulations 2004 to ensure that their eating places are free from all forms of smoking by displaying the no-smoking sign clearly and not providing ashtrays or service selling shisha or other types of smoking equipment.

As of Jan 6, Dr Dzulkefly said 2,617 compounds worth RM627,050 were issued to smokers and owners of premises in relation to the smoking ban.

When asked whether there will

be designated spots for smokers, Dr Dzulkefly said the Housing and Local Government Ministry (KPKT), through the local councils, will be setting up designated smoking areas which will be located more than 3m away from eateries.

Dr Dzulkefly said the issue was discussed in the Cabinet, and called it a good initiative by the KPKT.

Those who want to quit smoking can get advice from mQuit services in all government health clinics and hospitals nationwide or in any private healthcare facilities with accredited mQuit services.

For more information, go to jomquit.moh.gov.my or call 03-8883 4400.

Watch the video
thestartv.com



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Ministry vows to deliver better healthcare: Dzulkefly

KUALA LUMPUR: Increased spending in the nation's health sector and adding value to government and private healthcare services are among the Health Ministry's biggest challenges, its minister, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said.

Dzulkefly, who has helmed the ministry since May 2018, said despite achieving upper middle income status, the nation has been under-spending when it came to healthcare services.

He said national audit reports showed that government hospitals' emergency and trauma departments were underfunded and understaffed to the point of overcrowding and longer waiting period for treatment.

Dzulkefly has sought more allocation from the government for national healthcare development to address the situation.

In Budget 2020, his ministry was allocated

RM30.7 billion (RM28.68 billion the previous year).

"We are the Health Ministry, we are not just the custodian of health or public healthcare supervisors, we are also the custodian of health for everyone, and oversee the public and private sector," he said.

"I look at the private (healthcare) sector as my partner, and not as a competitor. I would like to also see the private sector enhancing value-based delivery, not just curative, but preventive as well," he added.

On overcrowding in public hospitals, Dzulkefly said the ministry is taking a serious approach in tackling the issue, while admitting that among others, the problem was compounded by healthcare facility projects that failed to meet deadlines.

In this respect, he said he has had to act on contractors who took a lackadaisical attitude in project delivery.

– Bernama